

Topik 15: Matematik: Daniel 9 dan 490 Hari dan Kejatuhan Yerusalem

Pada tahun ketujuh pemerintahannya, Monarki Persia, Artaxerxes, memerintahkan agar kaabah dan Kota Yerusalem dibina semula. Perintah itu, disebarkan pada akhir tahun 457 BC, menandakan permulaan 490 tahun yang diberi khas untuk dikhaskan untuk orang Yahudi.

Seperti yang kamu ingat, malaikat Gabriel [Jibril] memberitahu nabi Daniel bahawa 70 minggu tahun tersebut akan diberi khas untuk orang-orang Yahudi dan nubuatan 2300 tahun bermula disini.

Apakah yang akan terjadi pada akhir jangka masa tersebut? Seseorang akan diurapi dan menjadi Mesias. (Perkataan Mesias bermaksud “Yang Diurapi.” Frasa “Isa Massa” dan “Yesus Kristus” mempunyai maksud yang sama, iaitu “Isa Yang Diurapi.”)

Sekarang mari kita buat kiraan matematik. Jika kamu bermula dengan perintah tersebut, pada akhir 457 BC, dan tambahkan dengan 490 tahun, kamu akan sampai ke hujung 27 AD. Ini adalah waktu ketika “Isa,” yang juga dipanggil “Yesus” dibaptiskan. Dan apakah yang terjadi semasa Dia dibaptis? Pada waktu itu, dia diurapi oleh Allah melalui Roh Tuhan dalam bentuk merpati yang hinggap di bahu- Nya selepas Dia dibaptis.

Ini adalah bagaimana Yohanes Pembaptis mengatakannya:

Dan Yohanes memberi kesaksian, katanya, aku telah melihat Roh turun dari langit seperti merpati, dan Ia hinggap di atas-Nya. (Yohanes 1:32)

Lukas, seorang penulis Injil Kebenaran telah dipimpin oleh seorang nabi, menulis kejadian ini. Dia quoted seorang rasul dengan mengatakan,

"Dalam kebenaran aku lihat bahawa Allah tidak berpihak kepada sesiapa. Tetapi di setiap tempat, sesiapa sahaja yang takut kepada-Nya dan mengerjakan kebenaran adalah diteriama oleh-Nya ... firman itu ... mulai dari Galilea. Sesudah baptisan yang diberitakan oleh Yohanes: iaitu bagaimana Allah mengurapi Dia dengan Roh Kudus dan dengan kuasa, Dia yang berjalan kesana dan kemari sambil berbuat baik

dan menyembuhkan semua orang yang dikuasai iblis, sebab Allah menyertai Dia.
(Kisah para nabi 10:34-38)

Petrus bersaksi bahawa apabila Yesus diurapi, itu menunjukkan bahawa dia akan menjadi hakim kepada mereka yang hidup dan juga mereka yang telah mati. Ada satu lagi perkara lain yang kita perlu fahami tentang Mesias.

Dan Ia telah menugaskan kami memberitakan kepada seluruh bangsa dan bersaksi, bahawa Dialah yang ditentukan Allah menjadi Hakim atas mereka yang hidup dan yang telah mati. Tentang Dialah semua nabi bersaksi, bahawa barangsiapa percaya kepada-Nya, dia akan mendapat pengampunan dosa oleh karena nama-Nya."
(Kisah Para Rasul 10:42)

Idea ini, bahawa semua orang yang percaya kepada injil dan misi Mesias akan menerima pengampunan dosa-dosa mereka, ini adalah suatu sumber keselesaan yang luar biasa terhadap orang-orang yang beriman yang menghadapi Hari Penghakiman.




Chart of the 2300 days prophecy

Kita akan bercakap lebih banyak mengenai iman dan pengampunan nanti. Para nabi telah menulis banyak mengenai perkara ini! Tapi mari kita kembali kepada pengiraan masa Mesias. Kita sudah lihat bahawa the first seven sevens (49 tahun) telah digunakan untuk membina kaabah. 62 sevens yang seterusnya dipanjangkan kepada baptisan Isa [Yesus]. Dan bakinya adalah untuk kita ketahui apa yang Nabi Daniel telah tunjukkan mengenai 70th seven (AD 27 to AD34).

Berikut adalah nubuatan yang telah dinyatakan dalam buku Daniel dan penggenapan nubuatan itu:

Nubuatan Daniel 9:26-27	Masa nubuatan itu digenapi
Dan selepas 62 minggu	Pada 27 AD, (483 tahun selepas 457 BC)
Mesias akan disingkirkan,	'Īsā [Jesus] dibunuh
Tetapi bukan untuk diri- Nya;	'Īsā [Jesus] adalah domba Allah (kata Yohanes Pembaptis)
Lalu rakyat raja itu datang	Masyarakat Roma
Lalu menghancurkan kota dan kaabah itu	General Roma iaitu Titus melakukan hal ini pada AD 70
Tetapi pada akhirnya akan ada banjir besar	Pengepungan berakhir dengan pembunuhan beramai-ramai
dan sehingga berakhirnya peperangan itu	Kelaparan dan kengerian di bandar
Kemudian dia akan mengesahkan suatu perjanjian	Perjanjian abadi yang dibuat dengan Abraham
dengan ramai untuk satu minggu	Dengan orang Yahudi dari AD 27 hingga AD 34
tetapi pada pertengahan minggu	Pada musim bunga tahun 31 AD
Dia akan mengakhiri pengorbanan dan persembahan	Pada kematian Kristus, Tempat Suci Ibrani tidak digunakan lagi untuk persembahan korban
dan pada sayap kekejian	Kerana dosa pembunuh Mesias
adalah orang yang membuat tempat itu hancur	Allah menghukum orang-orang Rom
walaupun sehingga kesempurnaan,	Akhir perjuangan di AD 70

Nubuatan Daniel 9:26-27	Masa nubuatan itu digenapi
yang ditentukan	Sebagai hukuman
dibuang ke tempat yang sunyi.	'Ya' [Jesus] berkata "rumahmu ditinggalkan kepadamu" empat puluh tahun sebelum kemusnahannya pada waktu yang ditetapkan.

Kamu pasti ingat bahawa Gabriel [Jibril] telah memperkenalkan jangka masa ini kepada nabi dengan mengatakan bahawa ia dikecualikan untuk orang Israel. Apakah yang akan terjadi pada akhir jangka masa tersebut?

Tahun tersebut, AD 34, adalah tahun di mana orang-orang Yahudi menganiaya pengikut Isa (Yesus). Dan disebabkan itu, Lukas merekodkan, mereka pergi ke serata tempat untuk mengongsikan berita baik kematian 'Isa [Yesus] dan jalan kepada kebenaran dan pengampunan.

*Tetapi Saulus berusaha membinasakan jemaat itu dan dia memasuki rumah demi rumah dan menyeret laki-laki dan perempuan ke luar dan menyerahkan mereka untuk dimasukkan ke dalam penjara. **Dengan itu, mereka yang melarikan diri itu menjelajah di banyak tempat sambil memberitakan Injil.** (Kisah Para Rasul 8:3, 4)*

Mari kita imbas kembali apa yang telah kita pelajari.

Pertama, Gabriel [Jibril] mempunyai maklumat mengenai masa hadapan. Dia telah menulisnya dengan terperinci dan dia (telah dihubungkan) kepada kalendar. (Orang penipu mungkin dapat menilik suatu benda dengan tepat melalui tekaan yang tepat. Tetapi tiada sesiapa yang dapat menubuatkan masa hadapan sepertimana nabi Daniel telah lakukan, melainkan Allah memimpinnya!)

Kedua, Allah menubuatkan seluruh kitar kaabah orang-orang Yahudi di Yerusalem. Dia menubuatkan bila ia akan dibina (457 BC sehingga 408 BC) dan bila ia akan tidak digunakan lagi (AD31) dan Dia menubuatkan bahawa ia akan suatu masa nanti akan dimusnahkan. Ini terjadi pada (AD70).

Ketiga, Allah menubuatkan bahawa Mesias akan memulakan pelayanan-Nya pada AD 27 dan akan mati pada AD 31. Dan ini adalah apa yang benar-benar terjadi kepada 'Isa [Yesus].

Akhir sekali, Gabriel [Jibril] menubuatkan beberapa benda lain dalam Daniel 9:24 yang belum kita lihat lagi. Ini akan kita rujuk dalam siri kita yang seterusnya. Dan, di sana, kita juga akan belajar bagaimana untuk menguatkan iman dan bagaimana untuk menjadi sebahagian daripada berkat yang Abraham telah terima.